

16 NOV 1998

APEC-BERITA-DEKLARASI

DEKRALASI: KAWALAN TERHADAP DAGANGAN MATAWANG DIJANGKA ANTARA GESAAN

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini Deklarasi para pemimpin Apec djangka mengandungi gesaan untuk diwujudkan kawalan terhadap dagangan matawang.

"Ya, saya fikir begitu," katanya kepada para wartawan Malaysia selepas mengadakan beberapa mesyuarat dua hala dengan para pemimpin Kerjasama Ekonomi ASia Pasifik yang lain di sini hari ini.

Beliau ditanyan samada Deklarasi Kuala Lumpur yang akan diumumkan pada akhir sidang kemuncak pemimpin Rabu ini, akan mengandungi elemen untuk mengawal urus niaga matawang.

Dr Mahathir berkata para pemimpin itu telah menyatakan sokongan mereka kepada satu bentuk kawalan ke atas aktiviti itu, yang disalahkan oleh Malaysia sebagai punca krisis kewangan dan ekonomi serantau.

Bagaimanapun, katanya tidak ada cadangan khusus untuk menangani krisis itu telah dikemukakan untuk sidang kemuncak pemimpin itu.

"Tetapi tujuan kita ialah untuk mengajak negara-negara untuk membincangkan perkara itu. Forum itu perlu mengandungi negara-negara membangun dan saya fikir forum yang paling baik sekali ialah Kumpulan 22," katanya.

Kumpulan 22 (G-22), yang diwujudkan oleh Amerika Syarikat tahun lepas untuk menangani krisis kewangan mengandungi anggota-anggota daripada negara-negara G-7, AS, Britain, Jerman, Itali, Perancis, Jepun dan Kanada, manakala negara-negara membangun termasuk Malaysia, Indonesia, Thailand, Singapura, India, China, Afrika Selatan, Brazil, Argentina, Kore Selatan dan Rusia.

Dr Mahathir berkata para pemimpin itu berpendapat penyelesaian kepada krisis itu tidak boleh dibiarkan kepada negara-negara G-7 oleh kerana ia adalah satu kumpulan negara-negara kaya yang eksklusif yang tidak berapa terjejas dengan krisis itu berbanding dengan ekonomi-ekonomi membangun.

Mengulas mengenai mesyuarat peringkat menteri, beliau berkata ia berjalan dengan baik dengan persetujuan dicapai mengenai hampir semua isu kecuali Liberalisasi Awal Mengikut Sektor Secara Sukarela (EVSL).

"Oleh itu kami harap mesuarat pemimpin (nanti) tidaklahbegiru sukar," kata Dr Mahathir.

Mengenai agenda (mesyuarat) para pemimpin itu, beliau berkata ia adalah mengenai krisis kewangan, kerjasama ekonomi, perdagangan eletronik dan rundingan perdagangan berbagai hala.

Dr Mahathir berkata terdapat "harapan yang wajar" bahawa para pemimpin itu akan mencapai persetujuan mengenai sesetengah perkara itu tetapi minat Malaysia iaah kepada "sikap" Apec terhadap krisis kewangan dan keperluan mengadakan kawalan terhadap dagangan matawang.

Ditanya sama ada menteri-menteri kewangan Apec akan ditugaskan untuk mengkaji kawalan ke atas dagangan matawang, beliau berkata, "Saya agak sebagai susulan kita bersetuju."

Mengenai kawalan tukaran asing selektif Malaysia, beliau berkata kerajaan bukanlah meminta ekonomi-ekonomi lain meniru ini tetapi hanya mahu mereka membincangkan perkara itu.

"Kami akan memberi pendapat mengenai apa yang kami fikir perlu dilakukan."

--BERNAMA

AD AAM WAT